SUARA KONTEMPORARI Kosmo! 1 TAHUN





Gambar hiasan

# Dewan Rakyat: Jamin warga pendidikan divaksin sebelum September

Oleh NUR HUDA MUSA 28 Julai 2021, 8:35 pm







POPULAR


Agong dukacit kenyata pemba


Arsenal sediaka dana besar

PETALING JAYA – Kerajaan menyeru agar pentadbir sekolah dapat membuat capaian kepada sebilangan guru yang menolak vaksin bagi mengelak tercetusnya jangkitan selepas pembukaan institusi itu nanti.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Covid-19), Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, Badan Bertindak Covid-19 Kebangsaan (CITF) sedang mengenal pasti warga sekolah yang belum mendapatkan janji temu vaksin bagi penjadualan segera.

"CITF sedang memastikan bilangan guru, anggota kumpulan pelaksana dan perkhidmatan sokongan kontrak yang belum mendapat janji temu lagi dapat dikenal pasti segera untuk dibuat penjadualan janji temu," katanya pada sidang khas Dewan Rakyat di Parlimen hari ini.

Dalam pada itu, Khairy Jamaluddin memaklumkan sehingga 27 Julai, seramai 303,682 guru iaitu 73.5 peratus, 45,197 anggota kumpulan pelaksana (67 peratus) dan 33,633 pekerja perkhidmatan sokongan kontrak (38 peratus) sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sementara itu, bagi vaksinasi guru kelas peperiksaan tingkatan lima dan enam pula status kemajuan adalah menggalakkan dengan sejumlah 80,717 guru iaitu 90 peratus telah divaksin.

Bagi sekolah swasta pula, seramai 12,894 guru (66.8 peratus), 4,367 guru tahun peperiksaan (58 peratus) dan 3,026 kakitangan sokongan (54 peratus) kakitangan sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos.

Khairy Jamaluddin juga berkata, kerajaan memberi jaminan semua warga pendidikan akan diberikan vaksinasi sebelum sekolah dibuka pada September nanti. – K! ONLINE.

Ordinar Darurat
29 Julai 2 12:31 pm

bawa Martine ke Emirate
29 Julai 2021, 12:3 pm


Warga emas 'rogol' kambin direma 7 hari
29 Julai 2021, 12:2 pm


Monsun barat daya punca cuaca agak panas
29 Julai 2021, 12:22 pm

## BERITA SELANJUTNYA




**Siti Nurhaliza dipukul suami gara-gara…**



**Ramai gembira dapat tarikh dos kedua…**



**Ashton Kutcher, Mila Kunis tak mandi, hany…**

AD



**Inilah Cara Menjana Wang dengan Bitcoin**



**Vaksinasi harian capai sasaran 300,000**



**Belajar secara bersemuka lebih fokus**



**Proton mulakan proses vaksinasi kakitangan**



**Influencer malukan gelandangan…**



**Isu fitnah Siti Nordiana – 5 sekawan serah…**

## BERITA BERKAITAN









### Monsun barat daya punca cuaca agak panas

29 Julai 2021, 12:22 pm

### Gagal dihubungi bongkar kematian warga emas

29 Julai 2021, 11:35 am





### [VIDEO] Tak ikut janji temu punca PPV sesak

29 Julai 2021, 10:53 am

### Kasihani warga emas

29 Julai 2021, 10:10 am



Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.